

# Forum meningkatkan kesihatan ginjal

YAYASAN Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia akan menganjurkan Forum Pesakit kali ke-10 pada 16 Jun ini, di Impiana Hotel Ipoh, Perak dengan tajuk "Meningkatkan Kualiti Kehidupan Anda" bermula jam 8.30 pagi hingga 5 petang.

Forum sehari ini memberi banyak kebaikan kepada pesakit dialisis, keluarga dan penjaga mereka tentang kepentingan memahami penyakit buah pinggang, kriteria permohonan subsidi dan bantuan kewangan serta cara meningkatkan kualiti kehidupan diri.

Beberapa agensi kerajaan dijemput sebagai penceramah seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Yayasan Kebajikan Negara dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Serentak dengan forum ini, pemeriksaan kesihatan bergerak, iaitu, NKF LifeCheck, akan menjalankan pemeriksaan kesihatan secara percuma di dalam bas yang akan berada di hadapan hotel. Pemeriksaan ini akan beroperasi dari 9 pagi hingga 4 petang dan hanya untuk penduduk di sekeliling kawasan Ipoh sahaja.

Pemeriksaan ini merangkumi tekanan darah, ujian air kencing, gula darah, indeks jisim tubuh/ukur-lilit pinggang dan kaunseling. Di samping itu, dengan bayaran RM5, sesiapa pun boleh menjalani ujian kolesterol darah.

Untuk maklumat lanjut boleh layari [www.nkf.org.my](http://www.nkf.org.my) atau emel ke [welfare@nkf.org.my](mailto:welfare@nkf.org.my).